

BULETIN

MPSP



Keluaran Mei - Ogos 2012 | Bil 2/2012

"Sustainability is Our Commitment"





Majlis Perbandaran Seberang Perai

KANDUNGAN

1. PERUTUSAN YDP	2
2. MAJLIS PERASMIAN PROJEK NAIK TARAF PASAR AWAM SRI BANDAR, BUTTERWORTH	3
3. PERHIMPUNAN KORPORAT SERTA MEMPERBAHARUI IKRAR KAKITANGAN DAN IKRAR KUALITI MPSP PADA 11JULAI 2012	4
4. FORUM PERDANA EHWAL ISLAM 1433H SEMPENA SAMBUTAN HARI MAJLIS KE-38/2012 ANJURAN BERSAMA PERMAI DAN MPSP	5
5. KARNIVAL SUKAN HARI MAJLIS (KEJOHANAN SUKAN PESUKA) SEMPENA SAMBUTAN PERAYAAN HARI MAJLIS YANG KE-38/2012	6
6. SAMBUTAN PERAYAAN HARI MAJLIS YANG KE-38/2012	7
7. MAJLIS PERASMIAN PROJEK CSR TAMAN TUNKU, SEBERANG JAYA	8
8. PROGRAM LA 21:MAJLIS PERASMIAN PENGURUSAN SISA DAPUR ORGANIK TAJAAN CIMB BANK TAMAN HELANG JAYA, NIBONG TEBAL, SPS	9
9. MAJLIS DIALOG ANTARA PENGILANG-PENGILANG IKS SUNGAI LOKAN BERSAMA MPSP	10
10. MAJLIS PERASMIAN SISA SIFAR (ZERO WASTE) SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CINA KAY SIN	11
11. PELANCARAN KEMPEN KESELAMATAN JALAN RAYA	12
12. KEMPEN KIBAR JALUR GEMILANG PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG	13
13. LARIAN HIJAU MPSP 2012	14
14. PROGRAM LA 21	15
15. LAWN BOWLS BERTAM OPENS 2012	16

SIDANG REDAKSKI

PENAUNG

PUAN MAIMUNAH MOHD.
SHARIF
YANG DIPERTUA

PENASIHAT

SR TUAN HAJI ROZALI
BIN HAJI MOHAMUD
SETIAUSAHA
PERBANDARAN

KETUA EDITOR

ENCIK WAN JUNAIDY
BIN YAHAZA

EDITOR

PUAN NOR AZIMAH
INTI ISMAIL
MIRA NABILA BINTI BUDI

JURUGAMBAR

ENCIK SHEIKH ZAKARIA
BIN SHAIK AHMAD
ENCIK MOHD. FAIZ BIN
ABDUL HALIM

PERCETAKAN

AHMAD AIRIN BIN ADNAN



PERUTUSAN YANG DIPERTUA

Puan Mainunah Mohd Sharif

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah, izinNya Kita dapat Kita bertemu kembali pada keluaran buletin MPSP Bil 2/ 2012 (Mei – Ogos). Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan tahniah atas sumbangan serta pencapaian yang telah diberikan oleh semua warga kerja Majlis Perbandaran Seberang Perai dalam tempoh empat bulan ini dalam memastikan MPSP terus maju hingga kini.

Sepanjang empat bulan berlalu, saya berharap seluruh warga kerja Majlis Perbandaran Seberang Perai dapat memahami dan mengamati 7 Fokus yang telah kita sama-sama kenal pasti beserta Ikrar Kakitangan dan Ikrar Kualiti yang telah kita ikrarkan bersama. Moga dengan ini dapat meningkatkan lagi kualiti penyampaian dan penyaluran perkhidmatan MPSP dalam memuaskan kehendak masyarakat. Segala kekangan menimpa, saya berharap semua warga MPSP dapat menanganinya dengan cekap dan bijaksana.

Akhir kata, saya berharap seluruh warga kerja MPSP dapat melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan dengan tulus dan unggul dalam merealisasikan konsep " Cleaner, Greener, Safer & Healthier Penang" bagi menjadikan Pulau Pinang, Bandar bertaraf antarabangsa.

MAIMUNAH MOHD SHARIFF
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Seberang Perai

"Cleaner, Greener, Safer & Healthier Penang"



MAJLIS PERASMIAN PROJEK NAIK TARAF PASAR AWAM SRI BANDAR, BUTTERWORTH

Bertempat di Sri Bandar, Butterworth, Majlis Perasmian Projek Naik Taraf Pasar Awam Sri Bandar dilaksanakan. Majlis ini telah dihadiri oleh Ketua Menteri Pulau Pinang, Y. A. B. Tuan Lim Guan Eng, Yang Dipertua MPSP, Puan Maimunah Bt. Mohd Sharif, Ketua-Ketua Jabatan, para Ahli Majlis, para peniaga dan orang awam.

Pasar Awam Sri Bandar yang telah pun beroperasi selama 20 tahun dan diperuntukan sebanyak RM 1.8 juta oleh Kerajaan Negeri yang bertujuan bagi kerja-kerja menaiktaraf, termasuklah kerja dalam menyediakan gerai dan tandas sementara, kerja mekanikal serta elektrikal, kerja pengubahsuaian pasar dan tandas sedia ada serta kerja-kerja di luar kawasan bangunan yang berkaitan dengan pasar ini.

Pasar Awam Sri Bandar yang memiliki 167 unit gerai/

petak jualan yang merangkumi 43 petak untuk jualan makanan, 32 petak bagi jualan sayur/runcit, 24 petak bagi jualan ikan, 12 petak untuk jualan daging lembu dan daging khinzir, 4 petak bagi jualan ayam proses (tidak halal) dan 40 petak untuk pelbagai jualan lain. Para penyewa dikenakan kadar sewa dalam lingkungan RM 30.00 hingga RM 120.00 sebulan bergantung kepada jenis jualan.



Bagi tujuan ini, Kerajaan Negeri telah memperuntukan sebanyak RM 10 juta untuk menaiktarafkan pasar-pasar awam di Seberang Perai dan mewujudkan persekitaran jual beli yang selesa kepada peniaga dan juga para pengujung. Dengan projek naik taraf yang dilaksanakan ini, diharapkan semua peniaga serta para pengujung dapat membantu dalam memastikan kemudahan serta kebersihan di sekitar pasar adalah terjaga, di samping memberi faedah serta maanfaat kepada orang ramai yang menggunakan pasar terbabit dalam membekalkan barang keperluan harian mereka. Diharapkan projek menaiktaraf pasar awam Sri Bandar ini juga dapat menjana pertumbuhan aktiviti ekonomi setempat.



PERHIMPUNAN KORPORAT serta memperbaharui IKRAR KAKITANGAN DAN IKRAR KUALITI MPSP PADA 11 JULAI 2012

Pada 11 Julai 2012, Perhimpunan korporat serta memperbaharui ikrar kakitangan dan ikrar kualiti MPSP telah berlangsung di hadapan pintu masuk lobi bangunan MPSP. Majlis bermula pada pukul 8.30 pagi dan dihadiri oleh Yang Dipertua MPSP, Puan Maimunah Bt. Mohd. Sharif, Ahli Majlis-Ahli Majlis, Setiausaha Perbandaran, Yang Berusaha Tuan Sr Haji Rozali Bin Mohamud, Ketua-Ketua Jabatan, Rakan-Rakan Media dan juga semua kakitangan MPSP.

Dalam perhimpunan ini, Yang Dipertua MPSP, Puan Maimunah telah berkongsi pengalaman beliau semasa menghadiri Mesyuarat World Heritage Committee Ke-36 sebagai Ahli World Heritage Committee (WHC) UNESCO. Beliau juga menyatakan rasa gembiranya apabila pihak UNESCO telah mengisytiharkan Lembah Lenggong, Perak sebagai Warisan Arkeologi pada 30 Jun 2012 yang lalu.



FORUM PERDANA EHWAL ISLAM 1433H SEMPENA SAMBUTAN HARI MAJLIS KE-38/2012 ANJURAN BERSAMA PERMAI DAN MPSP



Forum Perdana Ehwal Islam 1433H diadakan bersempena dengan Sambutan Hari Majlis ke-38/2012 anjuran bersama Permai dan MPSP. Semua kakitangan Islam MPSP dan seluruh warga Seberang Perai dijemput ke forum tersebut yang telah berlangsung di perkarangan lobi Ibu Pejabat MPSP Bandar Perda pada hari Jumaat, 23

Syaaban 1433H bersamaan dengan 13 Julai 2012 yang bermula pada pukul 9.00 malam.

Tajuk yang menjadi perbincangan pada malam tersebut ialah "Hidup Berkualiti Teras Kejayaan Ummah". Hidup berkualiti memerlukan generasi yang berkualiti, seperti mana yang disebut dalam Al-Quran sebagai 'Khaira Ummah' atau ummah terbilang. Objektif pembangunan Islam ialah meningkatkan kualiti hidup manusia mencangkupi pelbagai aspek kehidupan seperti peningkatan kualiti diri dari segi akhlak, moral dan sikap serta peningkatan kualiti keperluan hidup yang merangkumi aspek ekonomi, sosial, politik dan sebagainya. Antara panel yang akan memeriahkan forum tersebut adalah seperti Dr. Ahmad Bashir Bin Aziz, Ustaz Syeikh Ahmad Faisol Bin Hj. Omar dan Dato' Paduka Syeikh Muhamad Baderudin Bin Haji Ahmad.



KARNIVAL SUKAN HARI MAJLIS (KEJOHANAN SUKAN PESUKA) SEMPENA SAMBUTAN PERAYAAN HARI MAJLIS YANG KE-38/2012

Bersamaan dengan Sambutan Perayaan Hari Majlis yang ke-38/2012, Majlis Perbandaran Seberang Perai telah mengadakan Karnival Sukan Hari Majlis (Kejohanan Sukan PESUKA) yang berlangsung pada 14 Julai 2012 (Selasa), bermula pada jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang. Karnival ini diadakan di padang hadapan Ibu Pejabat MPSP, Bandar Perda, Bukit Mertajam.

Terdapat pelbagai acara yang dijayakan, antaranya adalah seperti Kejohanan Futsal, Kejohanan Bola Jaring dan Kejohanan Tarik Tali yang disempurnakan oleh Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan & Pengurusan Lalulintas. Selain daripada acara sukan yang berlangsung di padang, gerai-gerai jualan turut dibuka oleh para peniaga. Majlis penyampaian hadiah bagi acara kejohanan sukan turut dijalankan pada masa yang sama.

Keputusan bagi karnival sukan Hari Majlis adalah bagi acara Tarik Tali, Johan dimenangi oleh FRU Team, Naib Johan Modenas, tempat ke-3 PDRM dan ke-4 adalah Power Arm, bagi acara Futsal Johan dimenangi oleh P41, Naib Johan Sri Pantai, tempat ke-3 JAFT dan ke-4 adalah Impian Soccer. Johan bagi Test Team, Naib Johan adalah PUSPANITA SPT, tempat ke-3 PUSPANITA MPPP dan tempat ke-4 Lutra (A).



SAMBUTAN PERAYAAN HARI MAJLIS YANG KE-38/2012

Sambutan Perayaan Hari Majlis yang Ke-38/2012 dengan jayanya telah disempurnakan oleh Y.B. Tuan Chow Kon Yeow pada 17 Julai 2012. Sambutan Perayaan Hari Majlis ini berlangsung di Auditorium, Ibu Pejabat MPSP, Bandar Perda yang dihadiri Yang Dipertua MPSP, Puan Maimunah Bt. Mohd Sharif, Ahli-Ahli Majlis, Tuan Setiausaha Perbandaran MPSP, Ketua-Ketua Jabatan, wakil-wakil JKKK, rakan-rakan media dan tetamu istimewa dari Yokohama City Council, Jepun serta semua kakitangan MPSP.

Antara program yang dijayakan sepanjang majlis ini adalah seperti Pelancaran Laporan Pertengahan Tahun Pelaksanaan Fokus MPSP 201 & Risalah MPSP, Q-Hunt (Treasure Hunt dalam kawasan Pejabat MPSP), Penyampaian Anugerah Kualiti, Sijil Penghargaan kepada Individu & Pertubuhan, Sijil Pekerja Contoh, Penyampaian Hadiah Taman Bersih, Sesi Ramah Mesra Bersama Komuniti, Program Tanam Pokok serta Promosi Bayaran Kompaun.

Perayaan Hari Majlis ini dijalankan bagi menghargai sumbangan para kakitangan MPSP yang menunjukkan prestasi perkhidmatan yang cemerlang dan berkualiti. Selain itu juga, Q-Hunt (Treasure Hunt) yang berlangsung di sekitar kawasan Pejabat MPSP mampu membentuk kakitangan MPSP yang cerdas dan sihat, di samping melahirkan pemikiran yang lebih kritis dan inovatif.

Majlis diakhiri dengan makan tengahari bersama-sama dengan semua tetamu jemputan.



MAJLIS PERASMIAN PROJEK CSR TAMAN TUNKU, SEBERANG JAYA

Majlis Perasmian Projek CSR Taman Tunku, Seberang Jaya telah berlangsung pada 29 Julai 2012, yang dihadiri oleh Ketua Menteri Pulau Pinang, Y. A. B. Tuan Lim Guan Eng, Yang Dipertua MPSP, Puan Maimumah Bt. Mohd. Sharif, Ketua-ketua Jabatan, para Ahli Majlis dan orang awam. Cadangan bagi pengindahan Taman Tunku, Seberang Jaya melibatkan kawasan seluas 11.73 ekar yang berkonsepkan 'The Natural Bonding Between Human And Environment'. Majlis pecah tanah telah dilaksanakan pada 17 Mac 2012 dan siap pada 31 Jun 2012 dengan kos sebanyak RM470,000.00

Taman Tunku, Seberang Jaya, Seberang Perai Tengah telah dibuka dengan rasminya oleh YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj bersempena dengan perayaan Hari Kebangsaan yang ke-30 pada 31 Ogos 1987. Projek ini bertempat di belakang Masjid Seberang Jaya dan bersempadan dengan Lebuhraya Utara-Selatan dan Jalan Tenggiri, Seberang Jaya. Tapak ini merupakan laluan Sungai Pertama ke Sungai Perai. Antara penaja yang turut terlibat dalam majlis perasmian ini adalah REHDA Airmas Group, IJM Land Berhad, New Bob Group of Companies, Sunway City Berhad dan Tambun Indah Land Berhad. Terdapat juruperunding (SPEAD) yang turut serta dalam majlis ini, antaranya seperti Pertubuhan Perancang Malaysia (MIP), Persatuan Arkitek Malaysia (PAM), Institusi Jurutera Malaysia (IEM) dan Pertubuhan Juruukur Diraja Malaysia (RISM).

Komponen yang terlibat dalam projek ini adalah seperti trek jogging dan laluan berbasikal iaitu sepanjang 0.9 km dan 2.4 meter lebar, mini plaza/gazebo, bangku rehat, lampu taman jenis LED, Penanaman pokok teduhan, membaiki jambatan, gazebo dan membaiki tapak letak motosikal sediada serta menyediakan papan tanda. Selain itu, sejumlah 100 batang pokok dan 100 batang pokok pinang telah ditanam yang merupakan kos daripada MPSP.

b e b e r a p a



PROGRAM LA 21

MAJLIS PERASMIAN PENGURUSAN SISA DAPUR ORGANIK TAJAAN CIMB BANK TAMAN HELANG JAYA, NIBONG TEBAL, SPS




Berlokasi di Taman Helang Jaya telah berlangsungnya Majlis Perasmian Pengurusan Sisa Dapur Organik tajaan CIMB Bank, Taman Helang Jaya, Nibong Tebal. Majlis yang diadakan pada 29 Julai 2012 yang dihadiri oleh Y.B Tuan Tan Beng Huat selaku ADUN Jawi, Pengerusi JKKB Bukit Panchor, Encik Tang Kean Poay, Pengurus CIMB Bank Cawangan Sungai Bakap, Encik Yeoh Kim Joon turut serta Encik Loh Joo Huat dan Encik Teoh Seang Hooi, Ahli Majlis-Ahli Majlis MPSP, Ketua-Ketua Jabatan dan orang ramai.

Pada hari berkenaan juga, wakil bagi pihak MPSP, Puan Ir Hjh. Rosnani bt Hj. Mahmud menyatakan bahawa menerusi program yang dilaksanakan ini dapat mendidik para penduduk di sekitar kawasan bahawa sisa dapur seperti kulit buah-buahan, sayur-sayuran serta semua sisa basah boleh dikomposkan untuk dijadikan baja. Pengamalan pengkomposan dan kitar semula ini secara berkala dan konsisten dapat mengurangkan pembuangan sisa dapur ke tapak pelupusan di samping dapat membantu MPSP untuk menjimatkan jutaan ringgit yang dibayar untuk pengurusan sampah pada setiap tahun. Penjimatan ini dapat digunakan bagi penyediaan kemudahan-kemudahan seperti taman permainan atau digunakan untuk membaiki jalan, longkang serta tandas awam di sekitar Seberang Perai.



MAJLIS DIALOG ANTARA PENGILANG-PENGILANG IKS SUNGAI LOKAN BERSAMA MPSP

Pada 2 Ogos 2012 telah berlangsungnya Dialog Antara Pengilang- Pengilang IKS Sungai Lokan di Auditorium MPSP.



PROGRAM LA 21 MAJLIS PERASMIAN SISA SIFAR (ZERO WASTE) SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CINA KAY SIN

Pada 3 Ogos 2012, bertempat di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Kay Sin telah berlangsungnya Majlis Perasmian Sisa Sifar (Zero Waste) Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Kay Sin, Machang Bubok. Majlis bermula pada pukul 9.00 pagi hingga 12.00 tengahari. Antara ciri amalan hijau yang dinilai adalah seperti pengamalan 4R (Rethink, Reduce, Reuse & Recycle), sisa makanan untuk dijadikan kompos, minyak masak terpakai bagi menyediaan sabun, bahan pembersih, pengurangan penggunaan beg plastik, tanam pokok, penjimatan tenaga, elektrik dan air, kebersihan sekolah dan kegiatan luar untuk pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar bersama komuniti.

Selain itu juga, tahun ini merupakan tahun ketiga SJK (C) Kay Sin menyertai Anugerah Sekolah Hijau dan pada tahun 2011, sekolah ini telah berjaya mendapat Anugerah Perak. Lebih menarik lagi, pihak sekolah mengambil inisiatif agar barang-barang kitar semula boleh dibawa pada setiap hari Jumaat. SJK (C) Kay Sin juga merupakan sekolah rendah ke-4 yang menyertai Program Sisa Sifar. Program ini adalah bagi menyemarakkan lagi kesedaran serta memberi pendekatan secara holistik bagi pengurusan sisa-sisa pejabat, kantin dan kebun kepada pihak sekolah dan menggalakkan penambahbaikan berterusan, di samping menerapkan kefahaman kepada murid berkenaan manfaat kitar semula.



PELANCARAN KEMPEN KESELAMATAN JALAN RAYA

Pada 9 Ogos 2012, satu Kempen Keselamatan Jalan Raya telah dijayakan bertempat di tempat letak kereta Honeywell Aerospace Avionics, Perai. Difahamkan bahawa terdapat 7 buah syarikat yang terlibat iaitu Akty Technologies Sdn. Bhd, Honeywell Aerospace Avionics Malaysia Sdn. Bhd, Kelpen Plastics Technology Sdn. Bhd, Mattel Malaysia Sdn. Bhd, Rubicon Sapphire Technology (Malaysia) Sdn. Bhd, Sony EMCS (Malaysia) Sdn. Bhd dan UOP Malaysia Sdn. Bhd. Kawasan Zon Perindustrian Bebas atau FTZ adalah satu kawasan kawalan dan MPSP telah dilantik untuk menyediakan serta menyelenggara kemudahan di zon bebas ini dibawah Akta Zon Bebas 1990.

Selaras dengan fokus utama MPSP iaitu kebersihan, kehijauan dan keselamatan dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada semua komuniti Seberang Perai, menjadikan usaha yang diambil ini merupakan satu tindakan yang positif. Penglibatan semua pihak memainkan peranan yang penting dalam merealisasikan hasrat ini. MPSP sentiasa bersedia bagi memberikan pendidikan berkenaan isu kebersihan dan keselamatan tidak hanya tertumpu di dalam kawasan kilang atau FTZ sahaja bahkan di tempat tinggal mereka. Diharapkan Zon S15A menjadi contoh kepada zon lain dan juga kepada semua industri di Pulau Pinang dan Malaysia khususnya dalam program sebegini iaitu eko komuniti bersama MPSP dan orang ramai. Menerusi program "Community Policing" diharapkan kawasan berkenaan adalah lebih selamat. Selain itu juga MPSP bekerjasama dengan pihak sekolah serta pihak Continental Automotice Components Malaysia Sdn. Bhd

dalam program "Kempen Keselamatan Jalan Raya" yang memberi pendedahan kepada para pelajar berkenaan aspek-aspek keselamatan di jalan raya.



KEMPEN KIBAR JALUR GEMILANG PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG

Pada 31 Ogos 2012, Sambutan Hari Kemerdekaan yang ke-55 negara disambut di seluruh negara. Di peringkat Negeri Pulau Pinang, acara sambutan bagi Hari Kemerdekaan ini dimulakan dengan program Kempen Kibar Jalur Gemilang. Tema bagi Hari Kemerdekaan pada tahun ini adalah "Budaya Bersih, Merdekakan Rakyat" dan diharapkan semua warga Seberang Perai terutamanya kepada pemilik-pemilik premis perniagaan dapat sama-sama menghias premis, kediaman, bangunan dan kawasan dengan mengibarkan Jalur Gemilang serta memasang lampu-lampu hiasan berwarna-warni pada waktu malam sepanjang sambutan hari bersejarah ini. Kempen bermula pada 19 Julai 2012 sehingga 16 September 2012 yang merupakan Hari Malaysia.



LARIAN HIJAU MPSP 2012

Pada 26 Ogos 2012 telah berlangsungnya Larian Hijau MPSP 2012 yang bermula seawal 5.00 pagi hingga 11.00 pagi yang bertempat di Ibu Pejabat Majlis Perbandaran Seberang Perai, Bandar Perda. Larian Hijau MPSP 2012 mengambil jarak sepanjang 21 km bagi acara pertandingan dan 3 km bagi acara 'Fun Run'. Larian ini diadakan bagi menggalakkan cara hidup sihat dalam kalangan masyarakat awam di samping mempromosikan Bukit Mertajam sebagai sebuah bandar yang sesuai dimajukan sebagai kawasan yang berpotensi sebagai destinasi sukan pelancongan serantau, yang dapat menarik pengujung dari dalam dan luar negara. Selain itu, acara ini dapat melahirkan kesedaran dan mewujudkan hubungan yang baik antara pihak MPSP dan orang ramai di kawasan Seberang Perai.



Larian Hijau 2012 pada kali ini telah mendapat sumbangan daripada Dato' Lim Wah Lee dari Wah Lee Chain Store Sdn Bhd. Antara sumbangan yang diberikan adalah seperti LCD Flat TV, mesin basuh, peti sejuk bersaiz kecil, kipas pendingin, ketuhar gelombang mikro, slow cooker, radio, kipas meja, periuk nasi elektrik dan seterika. Jumlah yang dianggarkan adalah sebanyak RM15,000.00.

Terdapat 5 kategori larian yang dipertandingkan, antaranya kategori 'Men's Open', 'Men's Junior, Veteran Open', 'Men's Senior Veteran Open', 'Women's Open' dan 'Women's Veteran Open'. Pemenang bagi acara-acara terbabit adalah seperti:

	Kategori	Pemenang
A	<i>Men's Open.</i>	1 st : Ow Yong Jin Kuang. 2 nd : Amirul Suazwan Lin Samad. 3 rd : Muniandy A.L M Kiswa.
B	<i>Men's Junior Veteran Open</i>	1 st : Lim Choo Hooi. 2 nd : Yeng Boon Pin. 3 rd : Liew Chien Siden.
C	<i>Men's Senior Veteran Open</i>	1 st : Robert Kirby. 2 nd : Tan Hun Boon. 3 rd : Chan Cheng Kiat.
D	<i>Women's Open</i>	1 st : Annie Yee Pei Ni. 2 nd : Ewe Bee Hang. 3 rd : Nur Hazimah Binti Idris.
E	<i>Women's Veteran Open</i>	1 st : Debbie Chinn. 2 nd : Ng Sun Nee. 3 rd : Adeline Tan Man Hua.

PROGRAM LA 21 PERASMIAN PENGURUSAN SISA DAPUR ORGANIK TAMAN BAGAN LALANG, SPU

Sepanjang bulan Mei hingga Ogos terdapat pelbagai aktiviti yang telah dilakukan oleh bahagian LA 21. Antaranya adalah seperti Perasmian Pengurusan Sisa Dapur Organik Taman Bagan Lalang, Seberang Perai Utara yang berlangsung pada 8 Julai 2012, Program Keceriaan Bandar di Seberang Jaya 7 Julai 2012 dan Pameran LA 21 di Dewan Maliki, Kepala Batas yang telah diadakan pada 17 Jun 2012.

Perasmian Sisa Dapur Organik Taman Bagan Lalang, Seberang Perai Utara yang diadakan pada 8 Julai 2012 telah dihadiri oleh masyarakat tempatan di kawasan tersebut. Program Keceriaan Bandar yang diadakan di Seberang Jaya pada 7 Julai 2012 turut mendapat sambutan dalam kalangan orang awam. Program ini telah dirasmikan oleh Y. B Dato' Mansor Bin Haji Othman. Turut hadir bersama Tuan Setiausaha Perbandaran, Yang Berusaha Tuan Sr Haji Rozali Bin Mohamud serta wakil-wakil yang terlibat.

Seterusnya, pada 17 Jun 2012, satu Pameran LA 21 telah diadakan di Dewan Maliki, Kepala Batas. Antara aktiviti menarik yang dijayakan di sana adalah aktiviti membuat sabun yang hanya menggunakan bahan yang mudah didapati di samping dapat memberi manfaat kepada penggunaan harian.



LAWAN BOWLS BERTAM OPENS 2012

Kejohanan Lawn Bowls Bertam Open Edisi Ke-11 Tahun 2012 telah diadakan pada 30 hingga 31 hb Ogos 2012 bertempat di Kompleks Sukan MPSP Bertam Kepala Batas . Sebanyak 16 pasukan daripada pelbagai negeri dan agensi telah menyertai kejohanan ini. Di antaranya ialah USM , PLUS Malaysia, Perlis, Kedah, golongan OKU serta pasukan dari Negeri Pulau Pinang. Pasukan dari Persatuan Lawan Bowls Pulau Pinang B telah berjaya menjadi Johan setelah berjaya mengalahkan pasukan dari USM B dalam perlawanan yang sengit selama 2 jam dimana hanya satu mata sahaja yang memisahkan Juara dan Naib Juara tersebut.

Walaubagaimanapun , pasukan MPSP yang diwakili oleh En. Hamisahridzal bin Mad Ishak, En. Wahyudi Wahid dan juga Tn. Hj Abdul Rahman Bin Shariff telah berjaya menduduki tempat ketiga bersama dengan pasukan dari Persatuan Lawn Bowls Pulau Pinang. Berikut adalah senarai pemenang kejohanan Lawn Bowls Bertam Open Edisi Ke-11 2012 .

Johan : Persatuan Lawn Bowls Negeri Pulau Pinang (PLBPP B)

Naib Johan : Universiti Sains Malaysia B (USM)

Tempat ketiga Bersama : Persatuan Lawn Bowls Negeri Pulau Pinang (PLBPP D)

Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP)





MPSP with u



"Sustainability is Our Commitment"



MPSP with me



" Cleaner, Greener, Safer & Healthier Penang"



Majlis Perbandaran Seberang Perai

Jalan Perda Utama, Bandar Perda, 14000 Bukit Mertajam

Tel: 04-549 7555 | FakS: 04-538 9700

E-mel: webmaster@mpsp.gov.my

